

# Syarat jadi PM menurut Dr Mahathir

DR 2 JUN 1990

Oleh HAJI NASHRULADIN  
ABD RAHMAN

PASIR MAS, Khamis — Pemimpin yang akan ingin menjadi Perdana Menteri perlulah seorang yang sabar dan mendapat sokongan daripada semua negeri, bukan daripada negeri tertentu saja, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, jika pemimpin yang menjadi Perdana Menteri itu mendapat sokongan hanya daripada sebuah negeri, beliau mungkin akan memberi tumpuan kepada negeri itu sahaja.

"Pernah orang Sabah bertanya kepada saya sama ada rakyat negeri itu boleh menjadi Perdana Menteri. Saya menjawab rakyat Sabah tidak boleh menjadi Perdana Menteri, tetapi seorang rakyat Malaysia boleh menjadi Perdana Menteri," katanya.

Presiden Umno itu berkata, dalam Umno pula, pemimpinnya juga harus sabar dan bersedia menerima tradisi dalam parti yang menentukan seseorang itu akan naik mengikut susunan jawatan yang disandangnya.

"Dalam Umno kita menggunakan cara tertentu, timbalan naik menjadi Perdana Menteri. Kalau tunggu, sampailah masanya," katanya keti-

ka menutup kursus kepemimpinan Islam di Dewan Sekolah Sultan Ibrahim I di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika hendak dikira, seorang anak Kelantan sudah boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi kerana tidak sabar menunggu giliran, "dia jadi lambat".

"Kalau timbalan saya tarik diri, anak Kelantan yang jadi naib... jika memperolehi undi banyak, dapatlah menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tetapi kerana beliau tidak sabar, jawatan itu dapatlah kepada Encik Ghafar Baba," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan pentingnya dibentuk kepemimpinan Islam bagi mewujudkan pemimpin yang dapat menerajui masyuarat mengikut arus yang dikehendaki.

Jika tidak, katanya, pemimpin itu sendiri akan menyebabkan perpecahan di kalangan masyarakat, termasuk umat Islam, yang ada antaranya tidak mempunyai cukup pengetahuan mengenai Islam.

"Mereka mendakwa seseorang itu tidak Islam dan menyingkirkannya, sedangkan yang sebenarnya ia berpunca daripada kepentingan politik semata-mata kerana hendak menjadi orang tertentu dalam masyarakat," katanya.